

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2018 KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
DAN AGENSI DI BAWAHNYA**

**UCAPAN OLEH
Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**MOVENPICK HOTEL & CONVENTION CENTRE
KLIA SEPANG
2 MEI 2019**

**Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi Md
Jidin,**

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi;

**Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar Lebai
Hussen,**

Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;

**Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Shabri
Zainuddin bin Wan Mohamad**

Ketua Pengarah RISDA;

**Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir
Mahidin,**

Ketua Perangkaan;

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di
bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi,

Yang Diraikan Penerima-penerima Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Agensi Di
Bawahnya

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini kita diberikan kekuatan untuk berhimpun bagi menggilap tekad dan iltizam kita untuk terus mempertingkatkan mutu dan kualiti kerja sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Agensi Di Bawahnya.
2. Syabas diucapkan kepada 419 orang pegawai dan kakitangan yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2018. Sesungguhnya, anugerah ini merupakan pengiktirafan bagi meraikan prinsip murni kecemerlangan yang mencerminkan komitmen dan daya usaha yang tinggi demi mempertingkatkan mutu kerja dan produktiviti.

3. Demi mencapai kecemerlangan, kita harus mempunyai dedikasi, ketekunan, azam yang tinggi serta ilmu dan kemahiran yang dapat menyumbang kepada kreativiti dan daya inovasi.

4. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merupakan kementerian baharu yang ditubuhkan pasca Mei 2018. Pentadbiran ini bertanggungjawab untuk merancang hala tuju dasar bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan menangani cabaran baharu ekonomi.

5. MEA perlu memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus rancak serta mencipta nilai dan kemakmuran yang dapat dikongsi oleh semua rakyat. Inilah prinsip kemakmuran bersama yang menjadi teras Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

6. Landskap ekonomi semasa menuntut kita untuk berinovasi dalam pemikiran serta mengambil pendekatan strategik dalam perancangan bagi mengatasi cabaran kini dan masa depan. Ini penting bagi memastikan kita mampu mendepani cabaran dengan memperolehi *competitive advantage* dan pertumbuhan pembangunan yang mampan.

7. Walau bagaimanapun, ekonomi negara kini mengalami kemerosotan struktur jangka masa panjang yang perlu ditangani segera.

8. Sumbangan sektor pembuatan berteknologi tinggi perlu ditingkatkan dan sektor perkhidmatan berpendapatan tinggi juga perlu dirancakkan. Oleh yang demikian, kita perlu merombak kembali trend pasaran. Bagi mencapai hasrat ini, maka kepelbagaian ekonomi sangat diperlukan.

9. Insentif lapuk yang diberikan secara rambang tanpa mengenal pasti industri yang strategik tidak akan membantu penjana ekonomi baru.

10. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab menggubal dasar dan kebijakan ekonomi negara, kita mesti segera mengenal pasti dan melaksanakan insentif bersesuaian dengan industri terpilih yang mampu menjana lonjakan kepada pertumbuhan ekonomi.

11. Tuntutan ini memerlukan kita semua menggembleng pemikiran dan berani berfikir di luar kotak supaya dapat merangkul pemegang taruh untuk bersama-sama memacu pertumbuhan ekonomi negara ke hadapan.

12. Kita juga perlu menangani ketimpangan antara keluaran pendidikan dan permintaan sumber daya manusia sebenar yang diperlukan oleh industri dan perdagangan. Misalnya, landskap tenaga kerja negara menunjukkan suatu nisbah 7 daripada 10 pekerja memiliki ijazah dalam bidang sastera dan kemanusiaan manakala 6 daripada 10 tawaran kerja adalah dalam lapangan sains fizikal termasuk teknologi dan kejuruteraan.

13. Kita memerlukan orientasi semula terhadap sistem pendidikan negara untuk menyediakan bakat dan kemahiran yang sesuai memenuhi permintaan pasaran.

14. Anggota pentadbiran awam juga harus segera melakukan anjakan paradigma agar relevan dengan perkembangan dan kemajuan semasa yang terhasil melalui Revolusi Industri 4.0.

15. Kita harus sedar bahawa negara-negara OECD sedang rancak melakukannya. Singapura dan China sedang giat meneroka perkembangan ekonomi digital dengan kemajuan 5G dan pelbagai aplikasi *artificial intelligence*. Pembelajaran yang berterusan serta usaha pemberdayaan kemahiran adalah sangat penting untuk memastikan kita mampu bersaing di persada antarabangsa.

16. Saya diberikan peluang untuk menyertai Forum Kedua Belt and Road bagi Kerjasama Antarabangsa di Beijing, China minggu yang lalu.

17. Penyertaan aktif Malaysia yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya memperkukuhkan hubungan perdagangan dan diplomatik antara Malaysia dan China dengan lebih konstruktif.

18. Belt and Road Initiative (BRI) bukan sekadar merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) ekonomi-ekonomi dunia. Malah, ianya membolehkan hubungan sesama manusia terjalin sekaligus membentuk persefahaman dan melakar masa depan dunia yang makmur dan selamat.

19. Kita menghemati dan menimba pengalaman dan pengajaran daripada pentadbiran organisasi mereka yang cukup efisien dan efektif khususnya berhubung kemahiran berkomunikasi.

20. Kita juga belajar tentang nilai-nilai murni yang signifikan dalam pentadbiran awam seperti tekad untuk melaksanakan yang terbaik serta melunaskan amanah yang telah diletakkan di bahu kita. *Never settle for less. Always aspire to perfection.*

21. Beberapa hari lagi, kita akan meraikan ulang tahun pertama penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Dalam tempoh yang singkat, kita telah berjaya mencatatkan beberapa pencapaian yang cukup cemerlang; penganjuran Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara, menerajui penggubalan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 dan yang terkini, membentangkan Kertas Putih FELDA di Dewan Rakyat.

22. Saya ingin menegaskan bahawa setiap pencapaian ini adalah hasil usaha kalian semua.

Tahniah, saya ucapkan!

23. Ketika kita bersiap siaga untuk merangka Rancangan Malaysia Ke-12, MEA perlu menonjolkan kepimpinan untuk menggarap aspirasi rakyat dalam melakar kerangka pembangunan ekonomi negara bagi tempoh yang akan datang. Kita harus segera mendakap cabaran zaman melalui pembinaan *5G infrastructure* bagi pengembangan ekonomi digital.

24. Saya menyeru pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengikuti perkembangan terkini dalam kemajuan teknologi, industri dan menjejaki kemunculan industri-industri baharu yang akan mencipta nilai dan merubah landskap ekonomi.

25. Kita perlu menghidupkan semangat memburu ilmu dan berterusan melakukan penyelidikan kerana ini adalah satu proses pendidikan sepanjang hayat – *a continuous life-long learning because education never ends.*

26. Tanpa ragu-ragu, peranan perkhidmatan awam adalah sangat penting untuk melakukan anjakan dalam pentadbiran Kerajaan. Saya yakin pegawai-pegawai dan warga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan muncul sebagai “*game changer*” dalam merangka dasar ekonomi yang progresif dan inovatif, berdaya maju dan mampan. Inilah kecemerlangan yang harus kita jiwai dan laksanakan.

27. Saya percaya gagasan ini akan dihayati dan dijunjung oleh seluruh anggota perkhidmatan awam khususnya warga MEA untuk bekerja dengan penuh keyakinan dan dedikasi demi mengangkat martabat Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebagai sebuah kementerian yang berwibawa dan menzahirkan makna sebenar kecemerlangan.

28. Akhirnya, perkhidmatan awam dan Kerajaan laksana pelanduk dua serupa. Bangsa kita hanya akan berjaya sekiranya perkhidmatan awam dan Kerajaan senantiasa berganding bahu demi melaksanakan tugas dan amanah rakyat.

29. Jika kita lihat kepada semua tokoh penggerak dan penggoncang pasaran dunia, daripada Steve Jobs hingga Warren Buffet dan semua pembina bangsa seperti Nehru dan Gandhi, maka kita akan dapati bahawa titik persamaan dalam kepimpinan mereka adalah ilham muafakat dan kerja berpasukan. Ini menunjukkan bahawa nilai kerja berpasukan sangat tinggi dan tiada tolok bandingnya.

30. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Ramadhan al-Mubarak. Mudah-mudahan bulan Ramadhan ini akan menjadi madrasah ruhiyah kepada kita semua bagi menggilap idealisme perjuangan, menzahirkan Islam sebenar sebagai agama yang cukup

komprehensif, yang menonjolkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip keadilan dan kesederhanaan.

31. Maka, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, marilah kita bersama-sama pada pagi ini menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Agensi Di Bawahnya.

Sekian, terima kasih.